

**UCAPAN ALUAN
Y.BHG. PROF. Ir. DR. GHAZALI OMAR
MENJALANKAN FUNGSI NAIB CANSELOR**

MAJLIS ASPIRIASI PPV UTeM

8 SEPTEMBER 2021 (RABU), 4.45 PETANG

PUSAT SUKAN UTeM

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

Yang Berbahagia Pengurusan Tertinggi Universiti, Para Petugas dari Jabatan Kesihatan Negeri Melaka dan Pejabat Kesihatan Alor Gajah, Para Sukarelawan PPV UTeM, hadirin serta hadirat sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan inayahNya yang mengizinkan kejayaan pengoperasian PPV UTeM yang telahpun memasuki hari terakhir pada hari ini.

2. Dikesempatan ini, saya bagi pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Kesihatan Negeri Melaka dan Pusat Kesihatan Daerah Alor Gajah yang sentiasa memberikan kerjasama yang amat baik di sepanjang pengoperasian PPV UTeM.
3. Menerusi pengoperasian PPV UTeM yang melibatkan dua fasa pemberian vaksin jenis Pfizer dan Sinovac, seramai _____ penerima vaksin yang terdiri daripada staf dan pelajar UTeM, tanggungan staf, kontraktor dan orang ramai telah menerima manfaat ini.

4. Diharapkan usaha murni kita bersama dalam Program Vaksinasi Covid-19 ini dapat membantu negara mencapai imuniti kelompok secepat mungkin.
5. Sekali lagi, terima kasih yang tidak terhingga UTeM ucapkan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, Pejabat Kesihatan Alor Gajah dan Para Petugas Sukarelawan PPV UTeM di atas segala komitmen dan kerjasama yang diberikan. Hanya Tuhan sahaja yang mampu membalas segala jasa baik yang telah tuan puan berikan.

6. Akhir kata, bagi pihak tuan rumah UTeM, saya ingin mohon maaf jika terdapat sebarang kekurangan dan kesulitan yang berlaku di sepanjang pengoperasian PPV UTeM ini.

Pekan Meranti riuhnya sakan,
Kumpul setempat hati tertanya;
Setinggi penghargaan UTeM ucapkan,
Moga mendapat limpah rahmatNya

Sekian, terima kasih.